

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH: 3 OGOS 2017

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) jumlah yang diperlukan dan jumlah kekurangan pekerja dalam sektor perladangan di negara ini; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor ini.

PR-1352-L02035

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan statistik bilangan pekerja yang bekerja di ladang yang diliputi di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), terdapat seramai 119,218 orang. Daripada jumlah ini seramai 43,751 orang (36.7%) terdiri daripada pekerja tempatan dan 75,467 orang (63.3%) pekerja asing. Kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh majikan ladang bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di sektor ladang terutama melibatkan kerja-kerja am. Majikan yang bercadang menggaji pekerja asing di semua sektor termasuk sektor perladangan diwajibkan mengiklankan kekosongan terlebih dahulu melalui portal *JobsMalaysia*.

2. Kerajaan telah menarik balik langkah pembekuan permohonan pekerja asing mulai Februari 2017. Daripada tempoh itu, sehingga Jun 2017 sebanyak 16,341 kekosongan jawatan yang diiklankan oleh 421 majikan di sektor perladangan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 225 majikan ladang telah diperakukan untuk menggaji pekerja asing berjumlah 6,217 (38%) orang pekerja asing. Terdapat sebahagian besar permohonan tidak diperakukan oleh kerana kegagalan majikan untuk mematuhi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan iaitu gagal mematuhi peruntukan perundangan perburuhan seperti potongan gaji, melebihi kuota dan tidak

menyediakan perumahan sebagaimana Garis Panduan Perumahan Pekerja Asing(GPPPA).

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan Penguatkuasaan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) di sektor perladangan yang memberi penekanan terhadap perumahan dan kemudahan asas ladang demi menjamin kualiti dan kesejahteraan pekerja-pekerja ladang. JTK melaksanakan pelbagai program pembangunan komuniti ladang yang melibatkan pembinaan baru dan pengubahsuaian perumahan pekerja ladang, Skim Khas Pembiayaan Rumah Estet (SKRE), Projek Bekalan Air Awam Estet (BAAE), penawaran kadar gaji yang lebih menarik di bawah Perintah Gaji Minimum 2016, di sektor perladangan, kadar gaji ini lebih kompetitif berbanding dengan Kadar Perjanjian Kolektif yang sedia ada antara kesatuan Pekerja Ladang (NUPW) dengan Kesatuan majikan ladang (MAPA).

4. Antara lain langkah-langkah yang diambil oleh kementerian seperti berikut:

- i. mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan mendapat maklumat dan seterusnya memohon jawatan tersebut. Setelah berpuas hati tiada pencari

- kerja tempatan; Kementerian melalui JTK akan memberi perakuan bahawa majikan tersebut layak untuk mengajikan pekerja asing berdasarkan kriteria-kriteria dan kuota yang ditetapkan;
- ii. menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga negara;
 - iii. mengkaji semula amalan *out-sourcing* dalam penggajian pekerja asing.
 - iv. meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan mulai tahun 2018 bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan;
 - v. menggalakkan industri-industri yang berintensif buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi serta menggiatkan lagi pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) dalam industri ;
 - vi. mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja terutama di sektor dan sub sektor yang kurang diminati oleh pekerja tempatan dan menetapkan hanya negara-negara sumber tertentu sahaja yang boleh membekalkan tenaga kerja asing ke Malaysia.

- vii. menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana peruntukan Seksyen 60M, Akta Kerja 1955;
- viii. Menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan yang bertujuan menempatkan pekerja tempatan terlebih dahulu bagi majikan yang memohon pekerja asing termasuk kategori pekerjaan asas.
- ix. pembangunan sistem ePPAx bagi menyelaraskan permohonan dan kemasukan pekerja asing lebih terkawal dan sistematik.
- x. mengadakan kerjasama dengan persatuan-persatuan majikan bagi membantu para majikan untuk mendapatkan pekerja tempatan seperti kerjasama dengan *SME Association*;
- xi. menubuhkan Pusat Maklumat Kerjaya (*Career Information Centre*), di JMC dan di 9 UTC bagi kemudahan pencari kerja mendapat perkhidmatan mengenai peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, pepadanan pekerjaan, temuduga serta penempatan pekerjaan.